

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 6 MAC 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1541-MQT3165
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tindakan tegas yang telah diambil oleh Kementerian dalam membanteras penyeludupan e-waste ke dalam negara, susulan serbuan besar-besaran ke atas kilang haram memproses sisa elektronik di beberapa negeri baru-baru ini.
2. PR-1541-MQT3170
Tuan Lee Chean Chung [Petaling Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah inisiatif terbaru Jabatan Imigresen Malaysia dalam memperkasakan penambahbaikan perkhidmatan terutamanya melibatkan urusan pas kemudahan imigresen seperti Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan Permit Masuk susulan kejayaan Kementerian berjaya memperkenalkan pelbagai inisiatif dan reformasi baharu dalam urusan penting seperti perkara melibatkan perihal kewarganegaraan, isu-isu kesesakan di pintu-pintu masuk dan lain-lain.
3. PR-1541-MQT3171
Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan terperinci jangka pendek, pertengahan dan panjang untuk menangani lonjakan harga produk berasaskan kelapa terutama santan yang boleh menjelaskan keseluruhan rantai bekalan dan nilai berteraskan kelapa akibat kekurangan bekalan kelapa tempatan, kenaikan harga kelapa diimport dari Indonesia dan faktor cuaca.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 6 MAC 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 18

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1541-L28742
Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [Kalabakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat menambah bilangan Pusat Temuduga Kanak-Kanak (CIC) di Pantai Timur Sabah memandangkan pada ketika ini hanya terdapat satu CIC di Pantai Barat Sabah dan ini menjelaskan kecekapan penyelesaian kes jenayah melibatkan kanak-kanak disebabkan oleh faktor keluasan geografi Sabah.

2. PR-1541-L28865
Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah hasil siasatan terkini berkenaan kes kemalangan maut yang meragut tujuh nyawa dan tiga puluh tiga orang cedera di KM204 Lebuh Raya Utara Selatan dan apakah tindakan yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian kepada syarikat lori yang tercabut tayar itu.

3. PR-1541-L28615
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk menjalankan audit keselamatan jalan raya di jalan Persekutuan 22 di Sandakan iaitu Jalan Utara Sandakan khususnya di kawasan Batu 5 di mana kemalangan jalan raya kerap berlaku.

4. PR-1541-L27924

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah mitigasi yang diambil pihak Kementerian bagi menjamin sektor pertanian tidak terjejas ketika musim banjir melanda terutamanya melibatkan negeri-negeri di Pantai Timur.

5. PR-1541-L29186

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan garis panduan yang sewajarnya untuk menangani masalah peningkatan premium insurans perubatan swasta memandangkan kenaikan tersebut akan membebankan masyarakat, khususnya golongan M40. Sekiranya ya, nyatakan garis panduan-garis panduan tersebut.

6. PR-1541-L28905

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah terdapat rancangan besar-besaran untuk menaik taraf bangunan tabika dan tadika KEMAS yang usang dan uzur terutama di Sarawak dan Sabah seperti mana usaha untuk menoktahkan sekolah dan klinik daif.

7. PR-1541-L27881

Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) statistik pembantu pegawai perubatan (MA) serta jururawat yang bertugas di hospital-hospital Kerajaan mengikut negeri dari tahun 2015-2024; dan
- (b) justifikasi pertambahan jam bekerja jururawat dari 42 jam seminggu kepada 45 jam seminggu dan sejauh mana pertambahan jam kerja ini dijangka memberi tekanan kepada jururawat yang bertugas.

8. PR-1541-L28113

Dato' Verdon bin Bahanda [Kudat] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perbandingan kadar kemiskinan di Parlimen Kudat pada tahun 2023 ketimbang tahun 2024. Apakah langkah Kerajaan untuk menoktahkan kadar kemiskinan di Parlimen Kudat.

9. PR-1541-L28745

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk memperkenalkan dasar atau polisi khusus bagi menyokong peralihan kepada sistem penanaman padi perennial bagi meningkatkan keterjaminan makanan negara.

10. PR-1541-L29122

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pelaksanaan inisiatif penggunaan teknologi moden seperti kecerdasan buatan (AI) dan analitik data dalam memperkuuh pengawasan dan penguatkuasaan keselamatan.

11. PR-1541-L28115

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjung Karang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jenis-jenis program yang dirancang Kementerian bagi melatih tenaga kerja tempatan dalam bidang digital dan teknologi hijau.

12. PR-1541-L27804

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :

- (a) apakah strategi Kerajaan bagi memastikan rakyat kelas menengah tidak terhimpit dengan kenaikan kos sara hidup; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang menyemak semula kadar cukai pendapatan individu bagi meminimakan kesan '*'tax bracket creep'*'.

13. PR-1541-L27681

Tuan Wan Razali bin Wan Nor [Kuantan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) bilangan penyewa di PPR dalam kalangan golongan B40 dan M40 di seluruh negara; dan
- (b) berapa jumlah unit kediaman PPR yang masih kosong mengikut pecahan daerah dalam negeri Pahang.

14. PR-1541-L27607

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilangan warganegara Malaysia berbangsa India yang telah menyertai Angkatan Tentera sama ada tentera udara, tentera laut ataupun tentera darat.

15. PR-1541-L28827

Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah Regulatory Impact Assessment (RIA) telah dijalankan untuk RUU Majlis Media Malaysia dan apakah hasilnya, terutama dari segi kesan terhadap hak-hak pengamal media di Malaysia.

16. PR-1541-L28947

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pencapaian Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) setakat ini dalam membantu meningkatkan pendapatan golongan B40 di Sarawak termasuk Parlimen Lubok Antu dan usaha untuk mempromosikan inisiatif ini di kawasan luar bandar dan pedalaman.

17. PR-1541-L29171

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perancangan yang telah dibuat untuk mewujudkan institusi pendidikan tinggi serta institusi pengajian menengah di bawah Kluster Pendidikan MARA di kawasan Parlimen Bukit Gantang.

18. PR-1541-L29036

Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian Digital untuk memastikan keselamatan pengguna daripada perkembangan teknologi digital, terutamanya dalam mencegah aktiviti jenayah kolar putih yang melibatkan penggunaan peranti dan teknologi digital yang semakin canggih bagi melindungi data peribadi pengguna.

19. PR-1541-L28996

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah Kementerian dalam memastikan pembangunan infrastruktur kritikal yang tahan lasak dan selamat bagi menghadapi risiko perubahan iklim, khususnya dengan ketidaktentuan cuaca yang semakin merisikokan rakyat.

20. PR-1541-L(5)00310

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini penularan kes influenza di Malaysia dan langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani kes influenza ini, termasuk program vaksinasi untuk rakyat Malaysia khasnya golongan yang berisiko tinggi.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

21. PR-1541-L29030

Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [Bagan Serai] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana kerjasama rentas Kementerian telah dilaksanakan bagi mewujudkan lebih banyak pekerjaan di kawasan luar bandar memandangkan data terkini kadar pengangguran siswazah di kawasan luar bandar agak tinggi iaitu 7% berbanding 3.4% di kawasan bandar bagi tahun 2022.

22. PR-1541-L29119

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status Kementerian dalam melaksanakan semakan semula dan pindaan ke atas Akta 4 dan Akta 800 dalam usaha memperluas liputan dan menambah baik perlindungan keselamatan sosial PERKESO dan juga dapat melancarkan proses permohonan faedah dan penyampaian manfaat oleh PERKESO demi kesejahteraan rakyat agar tiada sesiapa yang tercincir dalam liputan perlindungan sosial.

23. PR-1541-L28512

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula harga lantai pembelian padi yang ditetapkan Kerajaan sejak sekian lama untuk diselaraskan dengan peningkatan kos pengeluaran beras yang kian meningkat. Langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan pengeluaran beras negara ditingkatkan dan mengurangkan kebergantungan kepada import.

24. PR-1541-L27714

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah penilaian Kerajaan setakat ini mengenai perkhidmatan bas berkonsep permintaan (DRT) yang telah dilaksanakan di Lembah Klang sejak setahun yang lepas dan apakah cabaran yang dihadapi dalam mengimplementasikan kaedah perkhidmatan berkonsep permintaan ini.

25. PR-1541-L28686

Tuan Fathul Huzir bin Ayob [Gerik] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kesediaan Kementerian untuk mewujudkan sebuah balai kecil bomba dan penyelamat di kawasan Pulau Banding kerana jarak tindak pantas dari Balai Bomba Gerik mengambil masa yang panjang untuk sampai ke lokasi ini jika berlaku kemalangan kerana jarak dari Balai Bomba Gerik melebihi 40KM.

26. PR-1541-L28055

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pandangan Kementerian berhubung polemik kebergantungan tinggi terhadap pekerja asing menyebabkan majikan tidak berminal untuk melabur di dalam teknologi ataupun automasi dan sejauh manakah dasar sedia ada Kerajaan mampu menangani cabaran ini dengan lebih baik.

27. PR-1541-L29010

Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [Machang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan terkini Kementerian susulan penggabungan Lembaga Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) selain langkah CAAM mengurangkan tempoh pembaharuan sijil perakuan pengendali udara kepada 1 tahun bagi meningkatkan kecekapan operasi dan kualiti perkhidmatan syarikat penerbangan tempatan.

28. PR-1541-L29145

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa keuntungan bersih tahunan Facebook/Meta di Malaysia dan berapa banyak cukai yang mereka bayar kepada Kerajaan Malaysia setiap tahun.

29. PR-1541-L27751

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan segera dan tindakan susulan pihak Kementerian berkaitan rungutan para pesawah musim ini berkaitan harga padi yang tidak selaras di sesetengah kawasan ataupun blok. Ada kawasan membeli pada harga RM1,700 satu tan dan ada kawasan pembeli membeli pada harga lantai RM1,300 satu tan.

30. PR-1541-L27672

Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

- (a) apakah perancangan Kementerian untuk menggalakkan syarikat perubatan antarabangsa membina fasiliti pembuatan ubat di Malaysia, khususnya untuk menjamin keselamatan bekalan ubat-ubatan dan peranti perubatan inovatif; dan
- (b) bagaimana Kementerian akan memastikan pemindahan teknologi daripada syarikat perubatan antarabangsa untuk memperkuuh industri farmaseutikal tempatan.

31. PR-1541-L27625

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan faedah kepada rakyat di Pasir Gudang yang tinggal bersempadan dengan Singapura hasil dari pembentukan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura.

32. PR-1541-L28856

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah Kerajaan akan meneruskan penyasaran subsidi petrol RON 95:

- (a) siapakah yang akan menerima subsidi tersebut; dan
- (b) apakah mekanisme yang akan digunakan bagi menyalurkan subsidi tersebut.

33. PR-1541-L28845

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) pertimbangkan cadangan menaikkan harga lantai padi daripada RM1,300 kepada RM1,800 bagi membantu meningkatkan pendapatan pesawah seperti yang dicadangkan oleh petani-petani; dan
- (b) perancangan serta mekanisme pemantauan yang digunakan untuk memastikan bekalan beras tempatan sentiasa berada di pasaran.

34. PR-1541-L29000

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha Kementerian untuk mengekang isu buli dalam kalangan pegawai perubatan di fasiliti kesihatan awam yang semakin berleluasa serta sejauh manakah keterlibatan atau kerjasama Kementerian dengan platform HelpDoc yang disediakan sejak 2017 untuk membantu menyelesaikan isu buli.

35. PR-1541-L(5)00296

Tuan Ganabatirau A/L Veraman [Klang] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) apakah dasar-dasar yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mencapai kemiskinan sifar; dan
- (b) berapa jumlah penduduk yang telah berjaya diangkat keluar daripada kategori miskin tegar sejak penubuhan Kerajaan Perpaduan; khasnya di daerah Klang.

36. PR-1541-L28811

Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah yang diambil Kementerian untuk memastikan kebajikan nelayan kecil terus terpelihara dalam menghadapi cabaran kos operasi yang meningkat.

37. PR-1541-L28015

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian sedar jalan Wangkod-Timbou-Gumoron-Linsuk Tenghilan adalah laluan utama murid-murid ke sekolah dan laluan penduduk mengangkut hasil pertanian untuk dipasarkan ke pekan terdekat. Jika ya, apakah usaha KKDW menaik taraf laluan ini ke arah menoktahkan kemiskinan, apakah lagi daerah Tuaran antara daerah termiskin di Malaysia.

38. PR-1541-L27859

Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kesan pertumbuhan KDNK antara 4.5% hingga 5.5% pada tahun 2025, di mana dengan cabaran ekonomi global ini memerlukan pendekatan dinamik dalam dasar ekonomi negara.

39. PR-1541-L28784

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) supaya orang tahanan di bawah SOSMA akan dibebaskan jika mahkamah yang mendengar permohonan mendapati beliau tidak bersalah atau tiada bukti yang mengaitkannya dengan apa-apa perkara yang mengugat keamanan dan keselamatan negara.

40. PR-1541-L28209

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana kajian telah dilakukan mengenai implikasi negatif yang mungkin timbul susulan pelaksanaan Pelan Halatuju Penyahkarbonan Sektor Penerbangan Malaysia (MADB) dan langkah-langkah awal yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan sebarang implikasi negatif yang akan memberi kesan kepada rakyat.

41. PR-1541-L29080

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan nilai berpatutan dan sama ada prestasi nilai matawang ringgit berbanding dengan dollar US dan matawang asing negara lain tahun ini akan terjejas oleh Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump dengan pelaksanaan tarif dan sekatan ekonomi ke atas rakan dagang utama Malaysia.

42. PR-1541-L27937

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kadar kemiskinan di setiap negeri dan apakah inisiatif terbaru menangani masalah kemiskinan.

43. PR-1541-L29092

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan dapat mengawal dan kawal selia peningkatan premium dan kos insurans kesihatan swasta dan bagaimana kita dapat mengelakkan ia disalah gunakan terutamanya di hospital swasta yang akan mengakibatkan kos dan premium insurans naik.

44. PR-1541-L28993

Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk membina kemudahan sukan seperti gelanggang sepak takraw dan badminton di Parlimen Julau. Apakah kriteria yang diperlukan dalam meluluskan pembinaan kemudahan sukan sedemikian untuk kegunaan seluruh lapisan masyarakat di Julau.

45. PR-1541-L29093

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci pelan Kementerian untuk melaksanakan reformasi sistem pembiayaan Kesihatan negara kita untuk menangani peningkatan kos rawatan dan perubatan di negara kita.

46. PR-1541-L(5)00315

Dr. Radzi Jidin [Putrajaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci jumlah permohonan kewarganegaraan dan permohonan taraf penduduk tetap yang diluluskan bagi setiap tahun bermula 2010 sehingga 2024 berdasarkan negara asal pemohon.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

47. PR-1541-L29158

Tuan Chong Zhemin [Kampar] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diberi kepada acara squash dan ping pong untuk mencungkil bakat baru.

48. PR-1541-L28796

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah memperkasakan pengusaha kecil penternakan dan perikanan darat di Pantai Timur dengan amalan yang meningkatkan daya tahan perusahaan mereka terhadap perubahan iklim dan bencana alam seperti banjir yang sering melanda.

49. PR-1541-L28944

Tuan Roy Angau anak Gingkoi [Lubok Antu] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini projek menaik taraf jalan di Ulu Skrang yang telah diperuntukkan sebanyak RM300 juta.

50. PR-1541-L27931

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa jumlah yang telah dibayar oleh Kementerian Pertahanan kepada Syarikat Aerotree Defence & Services Sdn. Bhd. daripada kos siling RM187 juta nilai kontrak sewaan Helikopter Black Hawk sebelum kontrak berkenaan dibatalkan pada awal November 2024 lalu.

51. PR-1541-L29017

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan cara tuntas penyelesaian:

- (a) had terhad mendapatkan lesen memandu fizikal bagi golongan yang perlu memandu di luar negara; dan
- (b) pembekalan sistem atau peranti menyemak tarikh luput cukai jalan terutamanya di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai rangkaian internet yang baik.

52. PR-1541-L27637

Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [Hulu Selangor] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tindakan dan langkah tegas yang telah diambil Kementerian kepada syarikat penyedia/penaja pakaian atlet negara supaya isu seperti bendera Malaysia terbalik pada pakaian tidak lagi berulang kerana ianya melibatkan maruah dan imej negara di persada antarabangsa.

53. PR-1541-L28862

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai harga penjualan saham Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAHB) oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 2023. Mengapa dibeli kembali dan berapa harga yang dibeli.

54. PR-1541-L28208

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan infrastruktur tebatan banjir yang telah dirancang di sepanjang jajaran ECRL sebagai langkah mitigasi terhadap kesusahan yang dialami rakyat seperti tanaman ditenggelami banjir yang sebahagiannya berpunca daripada projek tersebut.

55. PR-1541-L29045

Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan proses pemilihan akhir kontraktor bagi pakej WP32 Lebuhraya Pan Borneo Fasa 1B oleh Kementerian Kewangan dan adakah faktor penawaran harga yang terlalu rendah menjadi sebab utama syarikat ini dipilih.

56. PR-1541-L28786

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) status projek pecah tanah terkini PPR Jelutong dan Pongsu Seribu ; dan
- (b) berdasarkan RMKe-12 berapa bilangan projek yang telah melaksanakan pecah tanah yang masih belum siap sepenuhnya.

57. PR-1541-L29177

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebabnya kekurangan syarikat perkhidmatan sekuriti yang berasal dari Sarawak dan setakat ini, berapa jumlah permohonan lesen syarikat perkhidmatan sekuriti yang masih dalam proses pertimbangan Menteri dan apakah sebab kelewatan pemprosesan permohonan tersebut.

58. PR-1541-L27868

Datuk Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak KESUMA telah merangka program transisi khas dengan mewujudkan kluster industri melalui kerjasama GLC dan GLIC untuk membantu peralihan graduan ke peringkat industri secara lebih berkesan bagi mengatasi isu *underemployment* termasuk sektor-sektor keutamaan yang kekurangan pekerjaan mahir.

59. PR-1541-L28980

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kaedah-kaedah yang diiktiraf serta digunakan secara sah untuk rawatan pelbagai jenis dan tahap luka bagi perkhidmatan kesihatan primer di KKM.

60. PR-1541-L28923

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membina pusat pengumpulan hasil pertanian seperti pengumpulan buah-buahan tempatan di kawasan strategik.

61. PR-1541-L28966

Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk meningkatkan hasil tahunan. Apakah unjuran hasil Kerajaan secara tahunan menjelang tahun 2030 dan berapa ruang fiskal tambahan yang dijangkakan perlu selepas tempoh itu.

62. PR-1541-L29046

Dato' Khlir bin Mohd Nor [Ketereh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mempercepatkan Skim Perkhidmatan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) agar ianya dapat berfungsi sepenuhnya di peringkat HQ, Zone dan semua pintu masuk negara.

63. PR-1541-L29140

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan laporan polis dan status siasatan tentang dakwaan Khairy Jamaluddin bahawa Datuk Seri Azalina Othman Said dan Dr. Zaliha Mustafa menyembunyikan perintah tambahan yang membolehkan bekas Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Razak menjalani baki hukuman penjara secara tahanan di rumah.

64. PR-1541-L28744

Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berdasarkan potensi PR23 yang menghasilkan 6.8 tan per hektar setiap musim selama lapan musim, bagaimana Kementerian merancang untuk meningkatkan hasil produktiviti padi tempatan yang masih bergantung pada sistem tanaman konvensional.

65. PR-1541-L29163

Dato Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan status pembinaan serta perkhidmatan menara telekomunikasi di Sarawak amnya dan Baram khasnya. Nyatakan cabaran serta tindakan penyelesaian yang diambil oleh pihak Kementerian.

66. PR-1541-L28803

Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) apakah potensi pokok kelapa sebagai industri yang boleh menjana pendapatan kepada rakyat; dan
- (b) statistik terkini hasil pengeluaran kelapa di setiap negeri.

67. PR-1541-L27808

Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf jalan balak di Penyarai Tatau yang mempunyai 16 buah rumah panjang, sekolah rendah dan klinik kesihatan.

68. PR-1541-L27901

Dato' Azman bin Nasrudin [Padang Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terperinci kes penyalahgunaan pas lawatan sosial dan *overstay* mengikut negara asal bagi tahun 2022-2024, serta nyatakan kos penguatkuasaan dan deportasi yang ditanggung oleh Kerajaan dalam menangani isu ini.

69. PR-1541-L29197

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah melalui SEDIA mengikut tahun dan projek-projek strategik serta status terkini projek tersebut.

70. PR-1541-L28018

Tuan Zulkifli bin Ismail [Jasin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan kepada Menteri Belia dan Sukan atas kenyataan beliau dalam usaha penyebaran agama Kristian di dalam buku beliau yang menyebabkan penyebarannya kepada orang Islam yang melanggar perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan.

71. PR-1541-L29204

Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [Segamat] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) bagaimana Kementerian merancang untuk memperkenalkan model ekonomi pertanian berdasarkan data (*data-driven agricultural economy*) yang menggabungkan penggunaan teknologi kecerdasan buatan dan analitik data dalam membantu petani di Segamat meningkatkan hasil tanaman mereka agar lebih berdaya saing; dan
- (b) perancangan Kementerian menjadikan Segamat salah satu pusat pertanian utama bagi tahun 2025.

72. PR-1541-L27833

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah garis masa bagi penggubalan RUU berkaitan tahanan rumah yang telah diumumkan oleh Kerajaan termasuk skop kuasa budi bicara mahkamah terhadap kelayakan dan memerintahkan individu layak menjalani tahanan rumah serta batas kuasa Menteri di bawah RUU ini.

73. PR-1541-L29078

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan ekoran pelaksanaan tarif oleh Donald Trump yang mengancam pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam negara, apakah langkah-langkah mitigasi dan sama ada cukai mewah, cukai 2% pendapatan dividen melebihi RM100,000 untuk syarikat yang tidak disenaraikan ke atas Bursa Malaysia dan mengapungkan harga minyak RON95 kepada harga pasaran akan ditangguhkan.

74. PR-1541-L28321

Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [Bachok] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) status pelaksanaan projek rintis menggunakan kad pengenalan untuk pembelian petrol bersubsidi RON95 ; dan
- (b) jumlah stesen minyak mengikut pecahan negeri dan jumlah pemegang kad pengenalan (mengikut kategori T15 dan bukan-T15) yang terlibat dengan projek rintis ini.

75. PR-1541-L(5)00309

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kedudukan strategik Malaysia di Selat Melaka sepatutnya mengukuhkan industri maritim, namun sektor ini masih kurang mendapat perhatian. Apakah punca kurangnya tumpuan terhadap industri maritim dan apakah langkah untuk meningkatkan kesedaran serta pengiktirafan terhadap kepentingannya.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

76. PR-1541-L27644

Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk kembali melaksanakan misi kemanusiaan dengan membawa mangsa peperangan ke Malaysia, rentetan kes warga Palestin yang membuat kekecohan dan rusuhan kerana tidak mahu lagi berada di Malaysia walaupun telah diselamatkan dan dirawat dengan terbaik.

77. PR-1541-L27995

Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status penaiktarafan dan pelebaran jalan Laluan P12 sempadan Kulim ke Bukit Mertajam, penaiktarafan Jalan Perusahaan Juru ke Persimpangan Tok Kangar (Fasa 3) dan projek naik taraf Jalan Bayan Lepas ke Teluk Kumbar yang dimohon di bawah RMKe-11.

78. PR-1541-L28603

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin [Larut] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah pengelasan definisi T15 telah selesai dan bila pengumuman jumlah 85 peratus kumpulan rakyat yang dikatakan tidak terkesan dengan kenaikan RON95 akan dibuat sebagaimana dijanjikan Kerajaan.

79. PR-1541-L(5)00312

Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Pelaksanaan Mekanisme Penggenapan Dalam Menangani Isu Berkaitan Penggunaan Duit Syiling 1 Sen dapat dikecualikan untuk transaksi yang melalui e-dompet dan atas talian.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

80. PR-1541-L28556

Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [Pagoh] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) status penubuhan Jawatankuasa Tertinggi Pemantauan RMKe-12 untuk memantau pencapaian pelaksanaan dasar dan strategi projek-projek pembangunan dalam RMKe-12; dan

- (b) apakah strategi Kerajaan untuk menggariskan hala tuju perancangan serta sasaran keberhasilan mengikut sektor-sektor kritikal menerusi RMKe-13 sebagai kesinambungan RMKe-12 sejajar usaha pemulihan negara.

81. PR-1541-L28132

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan justifikasi Kementerian dalam memastikan pengendali lebih bertanggungjawab dengan keperluan pelaksanaan perlesenan untuk platform media sosial yang mempunyai lebih 8 juta pengguna di Malaysia.

82. PR-1541-L28495

Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [Alor Setar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status kajian pelaksanaan kenderaan mikromobiliti bagi kegunaan komersial dan rekreasi di dalam bandar.

83. PR-1541-L28266

Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha yang sedang dijalankan bagi meningkatkan penggunaan benih padi NMR152 yang terbukti lebih berdaya tahan dan memberikan hasil yang lebih kepada petani.

84. PR-1541-L28314

Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya [Pokok Sena] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana Pasukan Khas Reformasi Industri Padi dan Beras berjaya menyelesaikan isu 'salin kulit' beras tempatan dengan pek beras import yang berlaku sehingga hari ini.

85. PR-1541-L28044

Tuan Azli bin Yusof [Shah Alam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kejayaan Program Subsidi Diesel bagi tahun 2024 dan cabaran yang dihadapi berkenaan dengan kelompongan sistem kad fleet di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) untuk jentera pertanian terutamanya bagi industri padi serta langkah yang akan dilakukan untuk mengatasinya.

86. PR-1541-L27705

Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tahap kesiapsiagaan aset dan logistik bagi menjaga kedaulatan sempadan perairan khususnya di zon maritim utara tanah air.

87. PR-1541-L28722

Tuan Suhaihan bin Kaiat [Pulai] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan selepas kejayaan menandatangani perjanjian JS-SEZ pada 6 Januari 2025, apakah langkah Kerajaan meningkatkan kualiti hidup rakyat di perumahan bermasalah seperti di rumah kos rendah, rumah kos sederhana, PPR dan penempatan setinggan bagi mengelak jurang ekonomi rakyat.

88. PR-1541-L28165

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hala tuju perjanjian pelaksanaan dan perolehan Sistem Pengurusan Berpusat Pekerja Asing (FWCMS).

89. PR-1541-L(5)00307

Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :

- (a) berapa jumlah nelayan yang ditangkap dan vessel yang ditahan mengikut Akta Perikanan 1955, berapa jumlah nelayan pantai, nelayan laut dalam dan tenaga kerja warga asing yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia; dan
- (b) apakah jenis bantuan atau subsidi daripada Kementerian kepada para nelayan.

[Pertanyaan di bawah PM 22(5)]

90. PR-1541-L28307

Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairy [Kuala Langat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status pembangunan Terminal Bas Bersepadu Banting yang sangat perlu dan akan memberi manfaat kepada pengguna laluan WCE yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun ini.

91. PR-1541-L28244

Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap cadangan untuk melanjutkan tempoh operasi sempadan Malaysia-Brunei kepada 24 jam atau sekurang-kurangnya 18 jam seperti sebelum pandemik COVID-19, bagi mengurangkan kesesakan dan memudahkan pergerakan rakyat kedua-dua negara.

92. PR-1541-L28170

Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini projek pembinaan *waste-to-energy* di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Udang, Melaka dan syarikat manakah yang akan melaksanakan projek WTE ini.

93. PR-1541-L28653

Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan peratus pembinaan dan siap pemasangan menara komunikasi di kawasan Kota Marudu dan apakah langkah-langkah pihak Kementerian bagi membantu ketersediaan jaringan jalur lebar yang lebih efisien bagi kawasan luar bandar di Sabah khususnya di kawasan Kota Marudu.

94. PR-1541-L28202

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan tahap kualiti ahli majlis PBT di seluruh negara lebih bertanggungjawab kepada rakyat; dan
- (b) mekanisme pemantauan dan penilaian prestasi yang sedang digunakan untuk menilai keberkesanannya mereka dalam memenuhi keperluan komuniti secara telus dan berkesan.

95. PR-1541-L28884

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) jumlah kes penipuan pelaburan palsu yang dilaporkan bagi tahun 2023 dan 2024 serta jumlah wang yang terlibat; dan
- (b) langkah Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut daripada terus berulang.

96. PR-1541-L28420

Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [Merbok] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

- (a) perancangan terperinci Kementerian untuk mencapai sasaran 40% penggunaan pengangkutan awam dan 299 tren penumpang yang beroperasi di seluruh negara menjelang 2030; dan
- (b) bagaimana Kementerian memastikan pengagihan peruntukan infrastruktur pengangkutan awam yang adil dan saksama di kawasan bandar dan luar bandar.

97. PR-1541-L29193

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda seksyen 41B Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk membolehkan jaminan dibenarkan atas budi bicara mahkamah untuk kes-kes yang sesuai memandangkan jaminan boleh dibenarkan di dalam kes-kes serius seperti bunuh dan rogol dan juga untuk mengurangkan kesesakan penjara memandangkan tempoh reman sehingga bicara dimulakan di dalam kes-kes yang berkaitan adalah agak lama.

98. PR-1541-L27650

Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [Permatang Pauh] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk melaksanakan libat urus merentasi Kementerian untuk mewajibkan penganjur konsert mematuhi garis panduan hiburan Islam seperti yang dikeluarkan JAKIM untuk penganjuran konsert yang terbuka kepada umat Islam.

99. PR-1541-L28288

Dato' Seri Ir. Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah faktor yang menyebabkan peruntukan pembangunan yang diagihkan kepada negeri-negeri kurang membangun seperti Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak tidak mencapai sekurang-kurangnya 50 peratus bagi setiap Rolling Plan (RP) seperti yang dinyatakan di dalam dokumen RMKe-12.

PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- * Rang Undang-Undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.10/2025) Rang Undang-Undang Pemerangkapan, Penggunaan dan Penyimpanan Karbon 2025 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,” (5 Mac 2025)**

[Menteri Ekonomi]

2. (D.R.9/2025) Rang Undang-Undang Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025. **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

3. (D.R.8/2025) Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2025. “

[Menteri Kewangan]

4. (D.R.19/2024) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. “

[Perdana Menteri]

5. (D.R.47/2024) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Pindaan) 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,” (10 Disember 2024)**

[Menteri Komunikasi]

6. PR-1541-U(27)369
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk merangka dan membentangkan sebuah perancangan jangka masa panjang untuk 30 tahun ke hadapan dalam mencorak masa depan dan hala tuju negara di mana setiap Rancangan Malaysia 10 tahun, lima tahun dan belanjawan negara akan diselaraskan berpandukan perancangan tersebut.

Walaupun terdapat dasar sedia ada, tetapi perancangan ini tidak cukup kukuh untuk merancang secara holistik dan menyelesaikan ‘complexity’ kerana tempoh adalah singkat dan sederhana. Kerajaan boleh mencontohi negara serantau dengan menyelaraskan rancangan 5 tahun dengan strategi jangka panjang, di mana setiap pelan dan dasar harus selari dengan visi jangka panjang.

Penjajaran strategik ini akan meningkatkan daya tahan negara dan meletakkan Malaysia sebagai pemain berdaya saing di peringkat global. Setiap RMK seharusnya berfungsi sebagai batu loncatan untuk mencapai wawasan keseluruhan, membolehkan peruntukan sumber yang lebih berkesan dan responsif kepada cabaran yang muncul."

[Menteri Ekonomi]

7. PR-1541-U(27)370

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk menubuhkan jawatankuasa khas yang terdiri daripada pelbagai Kementerian untuk mengkaji mekanisme memastikan kemampuan sistem penjagaan kesihatan dalam negara.

Perkhidmatan kesihatan awam, yang sudah mengalami tekanan seperti peningkatan permintaan, had kewangan dan ketidaksamaan dalam akses kepada penjagaan. Jawatankuasa khas merentas Kementerian berperanan menangani kebimbangan ini dan meneroka mekanisme pembiayaan yang inovatif dan inklusif.

Dengan mengutamakan kemampuan penjagaan kesihatan, kita boleh memastikan penjagaan kesihatan yang berkualiti kekal dapat diakses oleh semua rakyat, tanpa mengira status kewangan mereka, di samping mengurangkan beban kewangan kepada Kerajaan."

[Menteri Kesihatan]

8. PR-1541-U(27)371

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk mengorientasikan semula dasar penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk memupuk inovasi yang lebih besar dalam syarikat dengan meningkatkan kerjasama dengan universiti.

Dengan mewujudkan hubungan yang lebih kukuh antara penyelidikan akademik dan industri, matlamatnya adalah untuk memacu lebih banyak inovasi yang dikomersialkan yang boleh bersaing di peringkat global.

Pada masa yang sama, Kerajaan perlu meningkatkan fungsi institusi penyelidikan Kerajaan dengan memudahkan pemindahan teknologi global dan membantu syarikat tempatan memanfaatkan teknologi termaju.

Dengan menyediakan akses kepada sumber teknologi sedia ada, Kerajaan membolehkan syarikat memanfaatkan inovasi ini untuk pembangunan produk dan pertumbuhan perniagaan, akhirnya meningkatkan kelebihan daya saing Malaysia dalam pasaran global."

[Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi]

9. PR-1541-U(27)372

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan kertas putih strategi jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menguatkuasakan peraturan yang lebih ketat mengenai penyelenggaraan kenderaan dan keselamatan muatan, meningkatkan pemeriksaan, dan mengenakan penalti yang lebih tinggi bagi pelanggaran peraturan jalan raya.

Statistik menunjukkan 825 kenderaan berat terlibat dalam kemalangan maut dalam tempoh sepuluh bulan pertama tahun ini, menyumbang kepada sebahagian besar daripada 17,905 kemalangan maut.

Latihan tetap untuk pemandu kenderaan berat, ditambah dengan keperluan pelesenan yang dipertingkatkan, akan memastikan amalan keselamatan jalan raya yang lebih baik. Pelaburan dalam infrastruktur dan teknologi jalan raya, seperti sistem keselamatan dalam trak, juga penting untuk meminimumkan risiko. Kempen kesedaran awam dan pengumpulan data yang lebih baik boleh menyasarkan lagi tempoh berisiko tinggi, seperti musim perayaan, untuk mencegah kemalangan dan meningkatkan keselamatan jalan raya secara keseluruhan."

[Menteri Pengangkutan]

10. PR-1541-U(27)384

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia.

Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

11. PR-1541-U(27)385

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah proaktif dalam menangani kes penderaan kanak-kanak yang berlarutan dan sehingga kini belum ada penyelesaian tuntas. Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan sehingga November 2023, kira-kira 1,069 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan yang disebabkan oleh kecuaian ibu bapa dan penjaga.

Kanak-kanak adalah masa depan negara. Usaha menangani isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang dilihat membimbangkan perlu ditangani secara menyeluruh dan membabitkan pelbagai pihak.

Lantaran itu, pihak Kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan target ‘Dera Sifar’ menerusi langkah-langkah proaktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala serta meneliti semula undang-undang serta garis panduan yang berkaitan. Perkhidmatan dalam hal membabitkan perlindungan, pemulihan dan pemeliharaan kanak-kanak perlu diperkuuh dan direalisasikan. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera.”

[Menteri Dalam Negeri]

12. PR-1541-U(27)386

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

“Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menukuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan asas seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran.

Perancangan penyelesaian jangka pendek, jangka panjang yang komprehensif serta penguatkuasaan yang lebih ‘keras’ terhadap golongan kartel orang tengah antara faktor pengukuhkan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan.

Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada pengguna sebagai *end user* mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi perlu mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah bagi memastikan keterjaminan makanan (*food security*). Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

13. PR-1541-U(27)387

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan sering kali mendatangkan kerugian besar hingga jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam.

Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka. Memohon pihak kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

14. PR-1541-U(27)388

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron.

Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan.

Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Perdana Menteri]

15. PR-1541-U(27)389

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMKe-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan.

Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu.

Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Ekonomi]

16. PR-1541-U(27)390

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar *rebranding* daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan.

Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja.

Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga harta tanah yang melambung akibat spekulasi harta tanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]

17. PR-1541-U(27)391

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media.

Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiaran berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan.

Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Komunikasi]

18. PR-1541-U(27)392

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan masuk dan keluar sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu.

Kuatuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya.

Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu.

Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya 'Free Flow' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Dalam Negeri]

19. PR-1541-U(27)393

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengkaji semula dasar sedia ada yang berkaitan Warisan Arkeologi Negara dan merangka satu pelan tindakan khusus bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan. Penemuan-penemuan arkeologi seperti artifak tembikar, seramik, lukisan purba, rangka manusia purba dan lain-lain artifak amat penting untuk dihayati dan dipelajari kerana data yang dihasilkan dapat membantu merungkai persoalan-persoalan tentang perkembangan hidup dan tamadun manusia silam.

Malahan, ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan pensejarahan negara yang utama. Akan tetapi masih banyak lagi tapak-tapak penemuan arkeologi yang ditemukan tidak dikaji sepenuhnya kerana beberapa faktor terutamanya kekangan kewangan hingga menyebabkan kebanyakannya tapak tersebut ditinggalkan tanpa sebarang kajian menyeluruh mahupun pemeliharaan khusus.

Oleh yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) wajar mengkaji dan merangka satu pelan tindakan bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan supaya tapak-tapak arkeologi tersebut dapat dijadikan sebagai subjek kebanggaan dan identiti negara yang berbilang kaum dan agama yang boleh dihayati dan diambil iktibar.

MOTAC amnya boleh mengambil contoh kerangka tindakan daripada negara lain seperti China, Korea, Jepun dan Turki tentang kaedah-kaedah kajian, pemeliharaan dan pemuliharaan yang telah mereka berjaya lakukan melalui kerjasama strategik antara negara.

Hal ini juga sekaligus akan dapat menangani isu kemerosotan minat generasi muda terhadap Sejarah kerana generasi ini dilihat lebih cenderung untuk mengikuti perkembangan teknologi digital dan hiburan. Pembentukan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara amat penting melalui pendekatan sejarah ini agar semangat kenegaraan atau cinta akan negara itu dapat dipupuk sebaiknya. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya]

20. PR-1541-U(27)394

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menyegerakan kelulusan dan penyaluran peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan terutamanya melibatkan penurapan tar di jalan-jalan yang menghubungkan laluan ke perkampungan Orang Asli dan memperbanyakkan pemasangan lampu jalan di Nenggiri, Kelantan.

Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Nenggiri baru-baru ini, pihak Kerajaan telah mengetahui bahawa kawasan tersebut memerlukan peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang menyeluruh khususnya di kawasan perkampungan Orang Asli seperti Pos Gob, Pos Tohoi, Pos Simpor dan Pos Pasik.

Oleh yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) wajar mengambil perhatian dan tindakan segera terhadap kekurangan infrastruktur dan kemudahan di kawasan perkampungan Orang Asli di Nenggiri Kelantan kerana mereka juga adalah sebahagian daripada rakyat negara ini yang mempunyai hak untuk menikmati segala kemudahan yang disediakan kerajaan. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

21. PR-1541-U(27)395

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran royalti petroleum kepada negeri Terengganu dan Kelantan sebagai komitmen dalam memastikan pengagihan hasil petroleum yang adil dan saksama.

Tuntutan ini adalah selaras dengan hak rakyat dan negeri sebagaimana termaktub dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974. Kedudukan pelantar minyak juga bersetentang dengan kawasan perairan negeri Terengganu dan Kelantan. Prinsip Federalisme perlu dihormati dan dipatuhi Kerajaan Persekutuan dengan menunaikan hak yang dituntut oleh rakyat di kedua-dua negeri tersebut. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Kewangan]

22. PR-1541-U(27)396

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran Wang Ehsan kepada negeri-negeri di bawah pentadbiran Pembangkang. Pembangunan seimbang antara wilayah amat penting agar rakyat menikmati kemudahan infrastruktur dan kemudahan yang setara. Bantuan Wang Ehsan ini akan dapat membantu negeri-negeri tersebut melaksanakan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat amnya. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Perdana Menteri]

23. PR-1541-U(27)397

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Persekutuan memberikan sepenuh perhatian kepada Beting Patinggi Ali, yang juga dikenali sebagai Luconia Shoals, terletak di perairan Sarawak dan merupakan sebahagian daripada Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia. Isu pencerobohan oleh kapal dan pesawat asing, terutamanya dari China telah menjadi persoalan rakyat memandangkan ia berkaitan dengan kedaulatan negara dan kepentingan awam. Sejak tahun 2013, Malaysia telah melaporkan pencerobohan berulang oleh kapal Pengawal Pantai China (CCG) di kawasan ini. Tuntutan China terhadap Beting Patinggi Ali dianggap tidak berasas kerana lokasi geografi kawasan tersebut yang lebih dekat dengan pantai Malaysia (84 nautica miles dari Miri) berbanding dengan tanah besar China (sekitar 1000 nautica miles).

Walaupun Malaysia menganggap Beting Patinggi Ali sebagai miliknya, Kerajaan masih berpendirian terdapat tuntutan bertindih dengan China. China menuntut sebagian besar wilayah di Laut China Selatan berdasarkan garis sembilan dash yang mereka tetapkan, yang telah ditolak oleh Mahkamah Permahan Tetap (PCA) pada tahun 2016. Keputusan PCA ini memberikan Malaysia posisi yang lebih kuat untuk menegaskan haknya di kawasan tersebut.

Untuk memastikan kedaulatan ke atas Beting Patinggi Ali, Malaysia perlu meningkatkan lagi kehadiran aset ketenteraan di kawasan tersebut bagi mengukuhkan tuntutan negara terhadap pulau tersebut dan mempergiatkan keberadaan Malaysia di pulau berkenaan. Mohon kerajaan untuk lebih tegas dalam pendiriannya di mana isu Beting Patinggi Ali adalah hak mutlak Malaysia sepetimana termaktub dalam Konvensi Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Hukum Laut (UNCLOS) dan bukannya tuntutan bertindih dengan mana-mana negara asing. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Pertahanan]

24. PR-1541-U(27)398

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Persekutuan memberikan hak royalti kepada negeri Kelantan yang tidak dibayar oleh Kerajaan Persekutuan sering kali menjadi perdebatan hangat, terutamanya berkaitan dengan alasan "lebih 3 batu nautika". Kelantan, sebagai salah satu negeri pengeluar minyak di Malaysia, telah lama menuntut hak royalti minyak yang sepatutnya diterima. Namun, Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa Kelantan tidak layak menerima royalti tersebut kerana kedudukan telaga minyak yang terletak lebih dari tiga batu nautika dari pesisir pantai negeri tersebut.

Kerajaan Persekutuan perlu menyemak atau meminda kembali istilah "tiga batu nautika" yang tidak pernah dinyatakan dalam perjanjian asal dengan Petronas. Berpendapat bahawa Akta 144 tidak menetapkan jarak tertentu untuk hak milik telaga minyak. Tambahan lagi, Telaga minyak yang dimiliki Kelantan terletak kira-kira 80 batu nautika dari pesisir pantai, dan terdapat dakwaan bahawa telaga-telaga ini berada dalam kawasan yang dipertikaikan antara Kelantan dan Terengganu. Ini menimbulkan persoalan mengenai keadilan dan keseragaman dalam pembayaran royalti, terutama apabila negeri-negeri lain seperti Terengganu menerima royalti walaupun telaga mereka juga terletak jauh dari pantai.

Dicadangkan penubuhan jawatankuasa bebas yang terdiri daripada wakil Kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan pakar undang-undang untuk meneliti semula perjanjian royalti dan isu-isu berkaitan. Ini dapat memastikan bahawa semua pihak terlibat dalam proses perbincangan yang adil dan terbuka serta mencari penyelesaian yang memuaskan kedua-dua belah pihak. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Menteri Kewangan]

25. PR-1541-U(27)399

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan Persekutuan untuk mempertimbangkan pembinaan jalan sempadan antara Malaysia dan Indonesia, khususnya di kawasan Sabah dan Kalimantan ini adalah penting untuk pelbagai aspek yang melibatkan ekonomi, keselamatan, dan pembangunan infrastruktur yang akan memulangkan hasil lumayan kepada Malaysia. Didapati bahawa jalan sempadan Malaysia – Indonesia ini akan meningkatkan kebolehcapaian antara kedua-dua negara, memudahkan pergerakan barang dan perkhidmatan. Ini akan merangsang aktiviti ekonomi di kawasan sempadan seperti Kalabakan dan Serudong, serta meningkatkan peluang perniagaan bagi penduduk tempatan.

Diingatkan, dengan pemindahan ibu negara Indonesia ke Kalimantan Timur (Nusantara), terdapat potensi besar untuk pertumbuhan ekonomi di kawasan sempadan. Pembinaan jalan akan membolehkan Sabah memanfaatkan perkembangan ini dengan lebih baik, termasuk dalam sektor pelancongan dan perdagangan rentas sempadan. Jalan sempadan ini dapat menghubungkan kampung-kampung pedalaman dengan bandar-bandar utama, memudahkan akses kepada pendidikan, kesihatan, dan peluang pekerjaan bagi penduduk di kawasan terpencil.

Pembinaan jalan sempadan Malaysia – Indonesia juga berpotensi memperkuatkan hubungan sosial dan budaya antara masyarakat di kedua-dua negara. Ini termasuk pertukaran budaya melalui pelbagai aktiviti sosial dan ekonomi yang dapat dijalankan lebih mudah dengan adanya infrastruktur yang baik. Memohon pihak Kerajaan mengambil tindakan dengan kadar segera."

[Perdana Menteri]

26. PR-1541-U(27)376

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera memperbaharui dasar insentif kenderaan diesel komersial menerusi penetapan piawaian Euro 5 sebagai keperluan minimum menjelang tahun 2026 bagi menggalakkan peralihan yang lebih pantas terhadap penggunaan teknologi rendah emisi dan secara tidak langsung menyumbang sebagai penyelesaian jangka panjang dalam menjaga kualiti udara negara.

Pada ketika ini, negara-negara jiran telah mula mengorak langkah lebih ke hadapan seperti Singapura yang telah lama beralih kepada penggunaan Euro 6 dan Thailand yang menerapkan Euro 5 sebagai piawaian minimum sedangkan Malaysia hanya melaksanakan piawaian Euro 4 mulai Januari 2025 dengan pemberian insentif 50 peratus kepada semua kenderaan yang memenuhi piawaian tersebut.

Ketinggalan ini ternyata menjelaskan daya saing Malaysia di peringkat serantau di samping meningkatkan risiko kesihatan sangat akibat pelepasan nitrogen oksida dan zarah halus.

Kerajaan wajar mempercepatkan peralihan ini bagi memastikan pengurangan pelepasan bahan pencemar selaras dengan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Bahan Api Petrol dan Diesel) 2007. Penguatkuasaan yang ketat dan sokongan infrastruktur yang lebih baik menerusi kerjasama rapat Kerajaan bersama pemain industri perlu disinergikan untuk memastikan peralihan ini kelak berjalan lancar."

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

27. PR-1541-U(27)377

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera mengkaji semula kadar pelepasan cukai untuk individu dan tanggungan yang kini masih berjumlah RM9,000 dan tidak pernah disemak sejak tahun 2010.

Setelah 15 tahun berlalu, inflasi telah meningkat dengan ketara dan amaun tersebut tidak lagi realistik jika dibandingkan kos sara hidup pada hari ini. Atas pertimbangan tersebut, Kerajaan wajar menaikkan amaun pelepasan diri dan tanggungan ke RM12,000 yang bersamaan dengan RM1,000 setiap bulan, bagi menggambarkan senario serta realiti sebenar kehidupan rakyat Malaysia pada hari ini.

Malah dengan peningkatan amaun pelepasan cukai untuk individu dan tanggungan ini secara tidak langsung akan membantu golongan B40 dan M40 yang amat terkesan dengan inflasi dan seterusnya mencerminkan keprihatinan Kerajaan dalam mengurangkan beban rakyat."

[Menteri Kewangan]

28. PR-1541-U(27)378

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memartabatkan pengamalan Rukun Negara dalam menjadi tonggak identiti, perpaduan dan keutuhan rakyat Malaysia.

Mutakhir ini, negara disajikan dengan berita dan laporan mengenai kes- kes penyebaran ucapan kebencian, penghinaan dan provokasi yang berbaur perkauman, ketegangan kaum, penipuan dan penegasan unsur- unsur subversif yang berpotensi mencetuskan ketegangan antara kaum dan agama di Malaysia menerusi pengguna di platform media sosial.

Media sosial hari ini juga kian dipenuhi dengan lambakan sikap ketidaksopanan dan kebiadaban dalam perbincangan sehingga menjadi seperti satu kelaziman untuk para pengguna media sosial menggunakan bahasa kasar, lucu malah menyerang peribadi antara satu sama lain sehingga mengabaikan nilai kesopanan.

Hal ini mencerminkan kelemahan penghayatan nilai serta elemen Rukun Negara itu sendiri dalam kalangan rakyat Malaysia dan justeru itu, menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk mewujudkan sebuah mekanisme yang lebih berkesan dalam menyuburkan pembudayaan setiap prinsip yang terkandung di dalam Rukun Negara sebagai penawar bagi menangani gejala kebejatan akhlak sebegini di platform media sosial. "

[Menteri Perpaduan Negara]

29. PR-1541-U(27)379

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji semula cukai korporat Malaysia yang sehingga kini adalah antara yang tertinggi di Asia Tenggara iaitu sebanyak 24 peratus berbanding negara-negara jiran lain seperti, Singapura (17 peratus), Brunei (18.5 peratus), Cambodia (20 peratus), Vietnam (20 peratus), Thailand (20 peratus), dan Indonesia sekitar 21 peratus.

Perbandingan ini semakin jelas jika dilihat dengan situasi kadar cukai Amerika Syarikat (AS). Pada tahun 2016, cukai korporat mereka adalah sekitar 35 peratus, namun kini cukai korporat mereka telah turun sehingga 21 peratus manakala Malaysia kekal pada kadar sama iaitu 24 peratus sehingga sekarang.

Kadar cukai korporat yang tinggi ini ternyata melemahkan daya saing Malaysia untuk bersaing dengan negara-negara jiran bagi menarik tumpuan pelabur untuk melabur di sini.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu merangka satu kajian yang lebih komprehensif bagi menurunkan kadar cukai korporat ini agar setanding dengan kadar serantau untuk menjadikan Malaysia lebih kompetitif serta berdaya maju dalam meraih tumpuan pelabur antarabangsa yang akhirnya akan menguntungkan negara, peniaga dan rakyat jelata. "

[Menteri Kewangan]

30. PR-1541-U(27)380

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk memastikan kenaikan caj perubatan di hospital dan klinik swasta yang semakin mendapat perhatian di kebanyakan negara termasuk di Malaysia segera ditangani dengan baik oleh Kerajaan memandangkan implikasinya yang besar kepada para pesakit serta sistem kesihatan negara secara keseluruhannya.

Pelbagai faktor mendorong kepada isu ini dengan antaranya ialah kadar caj konsultasi doktor (GP) swasta yang dikawal oleh Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (PHFSA) 1998 tidak pernah mengalami sebarang perubahan selama lebih 32 tahun dan menyebabkan pihak terbabit terpaksa menaikkan caj kos operasi yang semakin meningkat, termasuk sewa premis, kos utiliti, peralatan perubatan serta perbelanjaan berkaitan teknologi dan sumber manusia telah meletakkan tekanan besar ke atas klinik swasta.

Situasi tersebut juga diburukkan lagi oleh isu berkaitan Pentadbir Pihak Ketiga (TPA) yang menguruskan pembayaran bagi pesakit yang mempunyai insurans kesihatan yang turut mengalami kenaikan.

Oleh yang demikian, Kerajaan digesa untuk meminda Akta Perkhidmatan Hospital Swasta bagi menetapkan kadar maksimum bagi caj rawatan selain konsultasi doktor, seperti caj penginapan dan penggunaan alat perubatan selain memperkenalkan sistem tiering seperti penarafan hotel bagi membezakan hospital berdasarkan tahap perkhidmatan, membolehkan syarikat insurans menawarkan pelbagai pakej berdasarkan akses kepada hospital tertentu, sesuai dengan kemampuan pelanggan serta mempergiat inisiatif di bawah kerjasama awam dan swasta bagi menyediakan rawatan mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah. "

[Menteri Kesihatan]

31. PR-1541-U(27)381

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan semula keputusan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang menjual hampir 10 peratus kepentingan saham ketika harga rendah selepas Disember 2022, sedangkan KWSP telah lama merancang untuk menambah lebih banyak saham Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) untuk menswastakannya.

Pada 29 November 2022, KWSP telah memiliki 259,917,492 saham iaitu sekitar 15.67 peratus di dalam MAHB dan dalam tempoh satu tahun, KWSP telah menjual 163,363,080 saham, atau hampir 10 peratus kepentingan pada harga sekitar RM6.74 hingga RM7.70 sesaham. Manakala pada 28 Disember 2023 pula, akhirnya KWSP hanya memiliki 96,554,412 saham atau 5.79 peratus sahaja.

Penjualan sebegini besar dalam tempoh singkat tidak pernah berlaku sebelum ini dan ini menimbulkan persoalan mengapa saham tersebut dijual pada harga rendah tetapi dibeli semula pada harga RM11.00 dengan implikasinya ialah KWSP akan terpaksa membayar tambahan sebanyak RM539 juta sehingga RM696 juta bagi membeli balik saham tersebut.

Justeru itu, Kerajaan digesa untuk mempertimbang dan mengkaji semula keputusan ini dengan lebih berhati-hati memandangkan perkara ini telah menimbulkan keresahan awam kerana membabitkan dana 16.1 juta rakyat Malaysia yang merupakan pencarum KWSP."

[Menteri Kewangan]

32. PR-1541-U(27)382

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk kembali mempertimbangkan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Dengan mengambil kira implikasi ekonomi Malaysia yang pada masa ini berada pada tahap yang agak baik serta kestabilan Kerajaan Perpaduan pimpinan YAB Perdana Menteri yang semakin mengukuh, telah ramai pihak termasuklah penganalisis bank berpendapat sekarang adalah masa yang tepat untuk Kerajaan memperkenalkan semula GST.

Menerusi GST, Kerajaan berpotensi untuk meluaskan lagi asas cukai bagi mengurangkan defisit fiskal, mewujudkan ruang utama untuk pelaburan infrastruktur serta menghasilkan peluang bagi mengawal hutang negara dengan lebih baik. Malah, dengan pelaksanaan berperingkat e-invois bermula 1 Ogos 2024, yang juga merupakan antara komponen GST, telah memberikan ruang yang baik untuk Kerajaan melaksanakan kembali GST.

Malaysia tidak harus tertinggal di belakang negara Asia Tenggara lain yang telah melaksanakan GST seperti Indonesia yang melaksanakan Value Added Tax (VAT) pada 1985, Thailand pada tahun 1992 dan Singapura pada 1994 selain GST ini telah dilaksanakan di lebih 170 negara.

Kerajaan boleh menstrukturkan semula GST dengan lebih kemas melalui kerangka dasar yang komprehensif meliputi semua barang dan perkhidmatan dengan sesetengah barang boleh dikecualikan, selain satu kadar cukai yang dianggap positif. "

[Menteri Kewangan]

33. PR-1541-U(27)383

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menimbangkan pengecualian daripada pengeluaran e-Invois kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang mempunyai jualan tahunan di bawah RM500,000 berbanding ketetapan semasa Kerajaan iaitu pengecualian untuk peniaga yang mencatatkan jualan tahunan bawah RM150,000 menjelang pelaksanaan menyeluruh e-Invois bermula 1 Julai 2025.

Pelaksanaan e-Invois ini ternyata telah mewujudkan kebimbangan dalam kalangan para pemain PMKS yang terpaksa menghadapikekangan kos berikutan perbelanjaan yang tinggi bagi menyediakan sistem pengeluaran serta penyelenggaraan e-Invois di samping risiko margin keuntungan yang rendah.

Peningkatan siling pengecualian e-Invois kepada RM500,000 adalah lebih relevan seperti mana yang pernah dilakukan oleh Kerajaan ketika melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebelum ini dan sekaligus mengurangkan beban lebih banyak segmen pemain PMKS seperti pengusaha yang berniaga dari rumah, ibu tunggal dan peniaga luar bandar yang terpaksa menanggung bebanan implikasi kos yang tinggi.

Oleh yang demikian, Kerajaan disaran untuk mempertimbangkan syor peningkatan pengecualian kepada RM500,000 ini bagi mengurangkan keresahan pemain PMKS dengan pelaksanaan e-Invois yang sebenarnya boleh dielakkan sekiranya Kerajaan memperkenalkan semula GST. "

[Menteri Kewangan]

34. PR-1541-U(27)373

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk melaksanakan kajian secara holistik dan komprehensif bagi menghasilkan benih padi yang berkualiti serta mampu bertahan dalam keadaan perubahan cuaca ekstrem di Malaysia.

Kebelakangan ini perubahan iklim yang ketara telah menjelaskan hasil pengeluaran padi tempatan sebanyak 83,408 tan metrik bersamaan 5.84 juta 10 kilogram pek beras disebabkan oleh musim tengkujuh dan banjir. Penjadualan penanaman padi amat terdedah dengan bencana banjir di musim tengkujuh pada hujung tahun manakala musim penanaman semula padi pada awal tahun pula berisiko diancam keadaan cuaca panas melampau yang perlu diatasi dengan kadar segera.

Sehubungan itu, pihak Kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih tegas dan efisien dalam menangani isu ini yang bukan sahaja bagi mempercepatkan pengagihan benih padi kepada pesawah supaya jadual penanaman padi tidak terganggu, malah pihak Kerajaan juga perlu membuat kajian yang teliti bagi menghasilkan benih padi yang lebih berdaya tahan dengan perubahan iklim di Malaysia."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

35. PR-1541-U(27)375

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk menjalankan penelitian semula terhadap kajian bagi persediaan serta perancangan pelan pembangunan pendidikan jangka panjang bagi negara.

Mutakhir ini, kita telah dikhaskan pelbagai peristiwa yang menimbulkan kegusaran masyarakat terhadap ketandusan pembangunan modal insan negara ini terutamanya terhadap generasi baharu yang merupakan generasi yang bakal memimpin dan mentadbir negara tercinta satu hari nanti.

Situasi ini diburukkan lagi dengan statistik kegagalan para pelajar untuk menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang hampir setiap tahun mencapai angka yang membimbangkan sehingga mencetuskan kebimbangan. Sejauh mana keseriusan generasi muda ini menilai kepentingan mendapatkan pendidikan untuk membina kehidupan yang lebih baik.

Dalam keadaan negara serantau yang kian pesat membangun, kesediaan dalam melahirkan modal insan menjadi sangat kritikal terutamanya bagi melahirkan generasi yang mampu berdaya saing dan mendepani cabaran serta persaingan dengan negara-negara serantau.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan berstrategi menerusi pembangunan semula pelan pembangunan pendidikan yang lebih efisien bagi memastikan negara kita mampu untuk melahirkan pakej modal insan yang lengkap dan mampu berdaya saing."

[Menteri Pendidikan]

36. PR-1541-U(27)374

Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [Tanjung Karang] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan segera Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan demi kepentingan kesejahteraan rakyat serta kemapanan dan kelestarian KKM itu sendiri.

Situasi semasa menunjukkan KKM sangat terbeban dengan belanja mengurus yang sangat tinggi iaitu sehingga 85.07% atau RM38 bilion daripada bajet keseluruhan KKM dan hanya 14.9% yang diperuntukkan untuk bajet pembangunan maka keadaan ini sangat tidak sihat untuk kemapanan dan kelestarian KKM itu sendiri.

Kelemahan, ketidakmampuan dan kegagalan KKM terlihat jelas dengan segala masalah-masalah yang sentiasa menjadi rungutan rakyat dan juga sering diangkat oleh ramai Ahli-ahli Parlimen - seperti kekurangan jururawat, kekurangan doktor dan doktor pakar serta masalah doktor kontrak, Kekurangan ambulans, ketiadaan ubat, alat-alat perubatan terlalu lama, klinik-klinik daif, hospital yang berumur lebih 50 tahun, hospital yang sesak, tiada sistem komputer, pesakit terpaksa menunggu terlalu lama.

Ketahuilah permasalahan dan segala kelemahan KKM ini sebenarnya adalah manifestasi dari kekangan fiskal KKM itu sendiri. Keupayaan KKM dengan 14.9% bajet untuk Pembangunan adalah sangat-sangat terbatas dan ini boleh menyebabkan kualiti dan mutu perkhidmatan KKM terjejas dan terus dipersoalkan rakyat.

Dengan situasi begini adalah diharapkan penyelesaian segera dan menyeluruh dengan menubuhkan Jawatankuasa Bertindak bagi melaksanakan segera Skim Pembiayaan Kesihatan Kebangsaan."

[Menteri Kesihatan]

37. PR-1541-U(27)400

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan menerima kewujudan Seksyen (1) Perkara 112C Bahagian 4 Jadual Kesepuluh dan Seksyen (2) Bahagian 4 Jadual Kesepuluh dalam Perlembagaan Persekutuan serta penguatkuasaannya dan menerima hakikat bahawa hak ini adalah hak-hak Perlembagaan Rakyat Sabah.

Menerima juga hakikat bahawa kekeliruan dalam pelaksanaan hak-hak perlembagaan ini dan bahawa selama 44 tahun (1974 – 2018), kadar pemberian khas di bawah peruntukan tersebut gagal dikaji oleh Kerajaan Persekutuan.

Memperakui langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan selepas penubuhan Kerajaan Pakatan Harapan 2018 sehingga kini iaitu bermula dengan menaikkan pemberian kepada RM53.4 juta, kemudian dinaikkan Kerajaan Perikatan Nasional ke RM125.6 juta, pada tahun 2023, dan kemudian Kerajaan Madani naikkan kepada RM300 juta dan baru-baru ini dinaikkan lagi kepada RM600 juta.

Dan menerima hakikat bahawa semua langkah-langkah ini bersifat sementara (interim) sebelum Kerajaan Sabah dan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan hak Perlembagaan Rakyat Sabah sepenuhnya.

Menerima hakikat bahawa pelaksanaan ini mengambil masa begitu panjang sehingga sekarang iaitu negara Malaysia sudah berusia 61 tahun. Maka, Tuaran ingin mengusulkan supaya Dewan yang mulia ini membuat Keputusan untuk melaksanakan Hak Perlembagaan Rakyat Sabah ini secara tuntas termasuk meminda perkara 97(1) Perlembagaan Malaysia untuk membolehkan kerajaan Sabah memungut 40% daripada pungutan hasil Persekutuan daripada Sabah secara langsung."

[Perdana Menteri]

38. PR-1541-U(27)401

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima Sejarah perang saudara di Selatan Filipina pada awal 70-an yang mengakibatkan ribuan pelarian perang dari Filipina melarikan diri ke Sabah. Menerima hakikat bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Suruhanjaya Tinggi Persekutuan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR) telah turun padang dan membantu pelarian ini dengan mewujudkan sekurang-kurang lima (5) skim penempatan pelarian di Sabah (Telipok, Kinarut, Kampung Bahagia Sandakan, Kampung Selamat Semporna dan Kampung Hidayat Tawau).

Dan menerima hakikat Kerajaan Sabah telah bekerjasama dengan UNHCR sehingga mewujudkan sebuah bahagian di Jabatan Ketua Menteri untuk menguruskan penempatan UNHCR ini.

Menerima juga hakikat apabila setelah UNHCR menyerahkan penempatan ini kepada Federal Task Force di bawah Majlis Keselamatan Negara, terdapat kecelaruan dari segi urus tadbir pelarian perang Filipina di Sabah, sehingga penempatan mereka telah bercampur aduk dengan mereka yang bukan pelarian yang menyebabkan banyak masalah dari segi urus tadbir kewarganegaraan dan pelbagai aspek bantuan kemanusiaan.

Menerima hakikat bahawa pelarian perang Filipina ini telah diberi pelbagai dokumen bermula dengan kad burung-burung, kad benci dan selepas itu dokumen IMM13 sehingga sekarang. Menerima juga hakikat bahawa pelbagai pendekatan untuk menaik taraf bentuk dan cara pengeluaran dokumen ini telah banyak dipolitikkan dan akhirnya kini tidak ada kata putus apakah dokumen baru yang diberikan kepada golongan pelarian perang Filipina ini.

Menerima juga hakikat bahawa satu Suruhanjaya Siasatan Diraja telah ditubuhkan oleh Parlimen Malaysia mencari penyelesaian tuntas terhadap kehadiran golongan pelarian perang Filipina di Sabah, namun itu pun telah gagal memberi apa-apa penyelesaian, Malah ramai yang menganggap langkah ini sebagai mainan politik semata-mata.

Oleh sebab itu, Tuaran mengesyorkan supaya Dewan yang mulia ini membahaskan masalah pelarian perang Filipina dengan mengambil kira bagaimanakah masa depan mereka yang kini sudah tiga generasi beranak pinak di Sabah sehingga Kerajaan dapat mengambil tindakan yang tegas sebelum masalah ini menjadi lebih besar yang boleh menggugat kestabilan dan kedaulatan negara."

[Perdana Menteri]

39. PR-1541-U(27)402

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima hakikat bahawa kos pembekalan elektrik (penjanaan, penghantaran dan pengagihan) di Sabah adalah lebih tinggi daripada kadar jualan seunit elektrik menyebabkan Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB) mengalami kerugian dan terpaksa bergantung kepada subsidi sokongan tarif (TSS) daripada Persekutuan dengan kadar RM850 juta setahun.

Menerima juga hakikat bahawa Kerajaan perlu mengambil langkah-langkah bagi memastikan penjanaan elektrik mencapai 40% rizab margin dan kos pembekalan elektrik berada di bawah paras jualan untuk mengurangkan beban Kerajaan Persekutuan dalam menampung subsidi sokongan tarif (TSS).

Oleh itu, maka dengan ini Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini dapat membahaskan langkah-langkah yang boleh diambil sehingga Kerajaan dapat mencari jalan penyelesaian yang tepat untuk menstabilkan bekalan elektrik di Sabah."

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

40. PR-1541-U(27)403

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima hakikat bahawa import makanan negara masih lagi tinggi termasuklah makanan ternakan.

Dan menerima hakikat bahawa tanah yang masih luas untuk dimajukan sebagai tanah pertanian terdapat di Sabah dan Sarawak.

Menerima juga hakikat infrastruktur perhubungan masih lagi pada tahap yang rendah menyebabkan pelbagai usaha untuk meningkatkan keterjaminan makanan terhalang.

Maka itu, Tuaran mengusulkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan untuk membincangkan langkah-langkah dalam mengatasi dan menaik taraf jalan-jalan pertanian di Sabah dan Sarawak."

[Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan]

41. PR-1541-U(27)404

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima Hakikat bahawa kawal selia bekalan elektrik di Sabah telah pun diserahkan kepada Kerajaan Sabah daripada Kerajaan Persekutuan selepas Kelulusan Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Tenaga Boleh Baharu (Pindaan) 2023 (Akta 725) dan Rang Undang-Undang Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (Pindaan) 2023 (Akta 726) dalam Dewan Rakyat pada 2023.

Menerima hakikat penyerahan kawal selia telah dimuktamadkan selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah meluluskan tiga Rang Undang-Undang Perlembagaan Negeri Sabah pada 3 Januari 2024 berkaitan pengambilalihan kuasa kawal selia bekalan elektrik daripada Kerajaan Persekutuan membabitkan RUU Bekalan Elektrik 2024, Tenaga Boleh Baharu 2024 dan RUU Suruhanjaya Tenaga Sabah (Pindaan) 2024.

Dan menerima hakikat bahawa kawal selia bekalan elektrik di Sabah kini berada di bawah Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS), manakala Wilayah Persekutuan Labuan masih di bawah seliaan Suruhanjaya Tenaga (ST) Malaysia.

Menerima juga hakikat bahawa Syarikat Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) merupakan satu-satunya Syarikat utiliti yang membekalkan tenaga elektrik kepada Wilayah Sabah dan wilayah Persekutuan Labuan.

Dan menerima hakikat bahawa geografi Labuan adalah lebih dekat dengan Sabah berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Justeru, Tuaran mengesyorkan agar Dewan yang mulia ini ditangguhkan bagi membuat keputusan pemindahan kawal selia bekalan elektrik Labuan daripada ST kepada ECoS bagi memudahkan pemantauan, meningkatkan kecekapan pengurusan serta mempermudahkan segala urusan dan menjimatkan kos."

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

42. PR-1541-U(27)405

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan Menerima hakikat Sejarah bahawa Pulau Labuan diserahkan oleh Kerajaan Sabah menjadi Wilayah Persekutuan dengan niat suci untuk tujuan membangunkan Labuan dengan pesat.

Menerima hakikat Kerajaan Persekutuan telah gagal membangunkan Labuan termasuk menyediakan utiliti bekalan air dan elektrik.

Menerima hakikat bahawa rakyat Labuan adalah juga rakyat Sabah yang masih terikat dengan adat istiadat Sabah dan oleh itu masih lagi memerlukan perkhidmatan sistem Mahkamah Anak Negeri dan seterusnya memerlukan bimbingan dan perkhidmatan di pelbagai agensi Kerajaan Sabah.

Menerima hakikat bahawa penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan telah dibuat tanpa mengambil kira kesan terhadap persempadanan Sabah.

Dan menerima hakikat penyerahan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan tidak diberi pampasan walau satu sen pun kepada Sabah.

Menerima hakikat bahawa Pulau Labuan terlalu dekat dengan Sabah dan penduduk serta rakyat Labuan mempunyai ikatan yang sangat kuat dengan penduduk Sabah.

Maka dengan itu, Tuaran menyusulkan di Dewan yang mulia ini agar Kerajaan Persekutuan mengembalikan semula Labuan kepada Sabah."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2025</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 4	Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berhubung Perolehan Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS) di bawah Kementerian Dalam Negeri	6 Mac 2025
DR. 9	Penyata Jawatankuasa Dewan Bersama Dewan Negara dan Dewan Rakyat	6 Mac 2025
ST. 47	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Bagi Tahun 2024	6 Mac 2025
ST. 48	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia Bagi Tahun 2024	6 Mac 2025
ST. 49	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pemantauan Audit Bagi Tahun 2024	6 Mac 2025

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
YB Datuk Lo Su Fui (Tawau)	1. Isu Penyelenggaraan Lampu Jalan di Sabah 2. Isu Banjir di Tawau	1. YB Menteri Kerja Raya 2. YB Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air
YB Dato' Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang)	1. Keperluan Penyelesaian Segera Isu Banjir di Rantau Panjang dan Kajian Semula Sistem Aliran Sungai-sungai di Rantau Panjang. 2. Keperluan Pembinaan Jambatan Baru di Kampung Mahligai ke Kampung Rong Chenok yang Runtuh Akibat Banjir	1. YB Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air 2. YB Menteri Kemajuan Desa Dan Wilayah

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**